

# Ubahlah sikap, jika kita ingin dihormati!

011 7 - AUG 1982

**SABAK BERNAM, Sabtu** — Jika bangsa dan negara Malaysia ingin dihormati dan tidak dipandang hina oleh bangsa lain di dunia, rakyatnya mestilah sanggup mengubah sikap sebagaimana bangsa Jepun dan Korea.

"Bukanlah bermakna bangsa Malaysia akan menjadi Jepun atau Korea kerana meniru mereka, tetapi kejayaan yang mereka capai setelah Perang Dunia Kedua disebabkan kesanggupan mereka mengubah sikap," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika ber-

Oleh **SARING SIRAJ**

yat untuk mengubah sikap.

Menyentuh masalah Palestin, Perdana Menteri itu berkata, "Yang penting bukanlah kita mengutuk Israel setiap pagi terhadap apa yang dilakukannya ke atas Palestin tetapi menyedari akan kelemahan diri sendiri.

"Kalau kita kuat sebagaimana kuatnya Amerika, kita tidak perlu lagi mengutuk Yahudi.

"Sebaliknya kita hantar bom dan bom Israel," tegas beliau.

Tetapi yang menjadi masalah, katanya, ialah kekuatan Israel.

ucap merasmikan Mesyuarat Agung UMNO Ke-31 Bahagian Sabak Bernam.

Beliau yang juga Presiden UMNO mengemukakan, dasar memandang ke arah timur bukanlah bertujuan meniru apa saja yang dibuat oleh orang timur tetapi mencontohinya dari segi kejayaan mereka.

"Bangsa kita juga boleh menjadi satu bangsa yang kuat dan dihormati, kalau sekiranya kita mempunyai keazaman dan cita-cita mengubah sikap yang selama ini terlalu kebaratan," tegas beliau.

Sikap meniru barat bukanlah tidak baik, tambah Perdana Menteri, tetapi masanya kini sudah tidak sesuai lagi.

Menurutnya orang barat yang terlalu bangga dengan kejayaan yang dicapainya menjadi khayal.

Sebaliknya orang timur seperti Jepun dan Korea kini bekerja keras membangun bangsa dan negara hingga menjadikan mereka disegani di serata dunia sekarang ini.

Oleh itu, tegas beliau, masanya telah tiba bagi bangsa Malaysia terutama di kalangan orang Melayu mengubah sikap demi masa depan bangsa dan negara ini.

"Sekiranya usaha mengubah sikap ini kita lakukan sekarang, mungkin kejayaannya belum dapat dicapai dalam masa setahun dua, atau sepuluh tahun.

Tetapi yakinlah satu hari kelak kita pasti berjaya juga mencapainya, tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Kalau kita tidak mempunyai kesedaran dan keazaman serta cita-cita, hingga bila pun kita tidak akan mencapai kejayaan."

Beliau berharap orang Melayu terutama ahli UMNO akan menjadi jentera penggerak menyedarkan rak-

Menurutnya, Israel mempunyai perancangan serta cita-cita, walaupun keji, hingga mereka dapat menyusun masyarakatnya dengan mengadakan angkatan tentera yang kuat.

Kerana itulah, tambah Perdana Menteri, walaupun bilangan umat Yahudi sedikit, tetapi mereka dapat mendisiplinkan diri hingga boleh bukan sahaja dapat mengatasi tetapi mengalahkan angkatan tentera negara-negara Arab.

"Oleh itu tidak ada faedahnya kita mengutuk mereka setiap hari sebaliknya kita mestilah kuat bekerja.

"Kita boleh menjadi satu bangsa dan negara yang kuat, kalau kita mempunyai cita-cita walaupun kejayaan yang kita rancang dan cita-citakan itu agak lambat," ujar beliau.

Beliau kemudian menyeru ahli UMNO memainkan peranan utama agar perubahan sikap di kalangan rakyat dapat dicapai.

"Merdeka hendaklah menjadi agen pengubah dalam usaha mengubah sikap orang Melayu dan rakyat Malaysia amnya menjadi lebih berjaya."

Beliau menasihatkan para pemimpin UMNO bahawa parti bukanlah milik seseorang dan kerana itu hendaklah menjauhkan diri dari kegiatan yang boleh memecahbelahkan parti dalam perlumbaan mencari kedudukan.

Tindakan mengisi jawatan dalam parti dengan 'rakan-rakan sendiri' sahaja akan menjejaskan keutuhan dan perpaduan parti, tegas beliau.

Turut hadir di majlis perasmian tersebut, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Haji Ali, Ketua UMNO Bahagian Sabak Bernam merangkap Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Datuk Haji Mustaffa Jabar, wakil Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Haji Sanad Haji Said dan para pemerhati.